



majlis persaraan bagi Cik Masnah Abdul Karim telah diadakan pada 10 Mei 2007 bertempat di Bilik Seminar, PTAR. Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua kakitangan PTAR termasuk Perpustakaan Fakulti.

Cik Masnah menamatkan tugas secara rasmi pada 15 Mei 2007 selepas berkhidmat selama 35 tahun. Beliau telah menyandang pelbagai jawatan di perpustakaan yang bermula dengan Penolong Pegawai Perpustakaan sehingga menamatkan jawatan yang terakhir sebagai Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.

Sebagai tanda penghargaan, Ketua Pustakawan Hajah Paiza Idris telah berbesar hati untuk menyampaikan cenderahati. Cik Masnah turut menerima cenderahati lirikan daripada individu dan bahagian-bahagian PTAR sebagai tanda kenang-kenangan.

Majlis turut diserikan dengan ucapan oleh Ketua Pustakawan. Selain daripada itu, hadirin turut dipersembahkan dengan pertunjukkan slaid sepanjang perjalanan kerjaya Cik Masnah di perpustakaan.

Dikenali sebagai seorang pegawai yang walaupun tegas tetapi amat disenangi oleh semua warga PTAR. Beliau juga seorang pendengar yang baik, memahami dan mengambil berat. Warga PTAR mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bersara.

